



**AmBank Group**

## SIARAN MEDIA

26 Jun 2023

### **AmBank melancarkan AmBank BizRACE Musim Keempat dengan matlamat untuk menyokong dan memperkasakan perniagaan dalam penerimaan IR 4.0 dan pembuatan mampan**

***Persaingan pemerksaan strategik PKS utama Bank kembali dengan format yang dipertingkatkan serta inovatif bertemakan "Reach New Heights: Transform Your Business"***

Kumpulan AmBank telah melancarkan program AmBank BizRACE Musim Keempat dengan fokus untuk membantu pengilang dan industri berkaitan mencapai kemampanan melalui penggunaan IR4.0. Dengan bertemakan "Reach New Heights: Transform Your Business", AmBank memperluaskan program musim ini kepada perusahaan kecil, sederhana dan besar di Malaysia.

Dengan kerjasama *Bosch Rexroth Malaysia, Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies (MCMTC), Pantas Software, YGL Convergence Berhad dan The College of Law Australia*, sebanyak 100 syarikat akan disenarai pendek untuk menjalani program pembangunan berstruktur. Sesi latihan dirangkumi oleh asas-asas IR4.0 serta cara penggunaannya yang dapat membantu mengurangkan jejak alam sekitar, meningkatkan impak sosial dan mencipta nilai ekonomi.

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

 [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)

 AmBank

 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

 AmBankMY

**Customer Care:**

 03-2178 8888

 [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)



**AmBank Group**

## **SIARAN MEDIA**

Dengan hadiah yang ditawarkan bernilai sehingga RM2 juta dalam bentuk kursus pembangunan dan penyelesaian, program itu akan dijalankan melalui gabungan kedua-dua rundingan dan bimbingan secara bersemuka dan maya oleh pakar teknikal industri, dan sokongan pembiayaan projek yang berpotensi. Syarikat yang mengambil bahagian juga akan mengemukakan strategi perniagaan IR4.0 mereka kepada panel hakim dan berpeluang menghadiri lawatan inovasi ke luar negara untuk lawatan bertema automasi pintar eksklusif yang diketuai oleh pakar industri. Pemenang juga akan menerima peluang rangkaian dengan profesional perniagaan dari pelbagai industri serta memperoleh pengiktirafan media.

"AmBank secara berterusan dan konsisten menyokong segmen perniagaan Malaysia daripada PKS kepada perusahaan besar dengan menyediakan penyelesaian kewangan yang tepat dan sokongan pembangunan projek untuk memajukan perniagaan mereka. Tahun ini, kami memperluaskan usaha kami untuk meningkatkan program dengan membantu perniagaan mencapai matlamat ESG mereka. Program AmBank BizRACE merupakan salah satu dari inisiatif yang dilancarkan oleh AmBank untuk membantu perniagaan berkembang dengan memanfaatkan bimbingan, latihan, pendedahan media serta peluang rangkaian yang disediakan," kata **Dato' Sulaiman Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kumpulan AmBank.**

"Kami telah memerhatikan bagaimana IR4.0 boleh membantu mengubah perniagaan pembuatan menjadi mampan dalam jangka masa panjang,

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

 [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)

 AmBank

 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

 AmBankMY

**Customer Care:**

 03-2178 8888

 [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)



## AmBank Group

### SIARAN MEDIA

seperti mengurangkan pembaziran, dan mencapai kecekapan tenaga. Melalui inisiatif melangkaui pembiayaan seperti *The AmBank BizRACE*, kami percaya bahawa kami boleh membantu perniagaan mempercepatkan penggunaan trend perniagaan yang baru muncul untuk terus kekal di hadapan,” kata **Christopher Yap, Pengarah Urusan Perbankan Perniagaan, Kumpulan AmBank.**

Pemilik serta ketua perniagaan boleh mendaftar dan mendapatkan maklumat lanjut melalui [www.ambankbizclub.com](http://www.ambankbizclub.com).

---

#### About AmBank Group

*AmBank Group is a leading financial services group with over 40 years of expertise in supporting the economic development of Malaysia. We have over three million customers and employ over 9,000 people.*

*The Group was listed on the Main Market of Bursa Malaysia in 1988. It is the sixth-largest banking group by assets in Malaysia, with a market capitalisation of more than RM12 billion as at 31 March 2023.*

*AmBank Group serves over three million individual and corporate customers. It provides services in wholesale banking, retail banking, business banking, investment banking and related financial services which include Islamic banking, underwriting of general insurance, life insurance, family takaful, stock and share broking, futures broking, investment advisory and management services in assets, real estate investment trust and unit trusts.*

For more information, please visit [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)

---

For further information, please contact Ridzuan Zulkifli, Senior Vice President, Group Corporate Communications and Marketing, AmBank Group at [ridzuan.zulkifli@ambankgroup.com](mailto:ridzuan.zulkifli@ambankgroup.com) and the Media Relations team at [media.relations@ambankgroup.com](mailto:media.relations@ambankgroup.com)

---

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group  
Level 46, Menara AmBank, 8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

 [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com)  AmBank  [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)  AmBankMY

**Customer Care:**  03-2178 8888  [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)